



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 Putrajaya.

Tel. : 603-88832545  
Faks : 603-88895542  
Email : hasar@moh.gov.my

Ruj. Kami : (13 ) KKM-171/BKP/04/16/0232

Tarikh : 18 Oktober 2012

SEPERTI SENARAI EDARAN

*YBhg. Datuk/Dato' Tuan,*

**PEMBERIAN SUSU SECARA PERCUMA DARI 6 BULAN KEPADA 2  
TAHUN UNTUK BAYI YANG DILAHIRKAN OLEH IBU HIV POSITIF**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sebagaimana sedia maklum, seorang ibu yang dijangkiti HIV boleh menjangkiti bayi (transmisi vertikal) dalam kandungan dengan kadar 30-45% jika tiada sebarang intervensi. Transmisi boleh berlaku semasa dalam kandungan, proses kelahiran dan juga semasa penyusuan ibu dari ibu yang dijangkiti HIV. Kerajaan telah mengambil langkah mengurangkan jangkitan ini dengan memberikan khidmat kaunseling, saringan HIV ibu mengandung, pemberian ubat ARV kepada ibu HIV positif, kelahiran melalui pembedahan *caesarian*, rawatan profilaksis kepada bayi tersebut dan tidak membenarkan penyusuan susu ibu berkenaan sejak tahun 2002.

3. Sebagai alternatif tidak membenarkan penyusuan susu ibu berkenaan, Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan telah memberi susu formula secara percuma selama 6 bulan sepertimana dijelaskan dalam Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil 5 Tahun 2002 serta Polisi Penyusuan Susu Ibu Bagi Bayi-Bayi Yang Dilahirkan Oleh Ibu-Ibu Yang HIV Positif.

4. Bagi memastikan transmisi vertikal tidak berlaku khususnya melalui penyusuan ibu, adalah diputuskan pemberian susu secara percuma

kepada bayi yang dilahirkan oleh ibu HIV positif dilanjutkan dari hanya 6 bulan kepada sehingga 2 tahun.

5. Justeru, semua Pengarah Kesihatan Negeri adalah bertanggungjawab untuk memastikan pemberian susu dilaksanakan di fasiliti kesihatan di bawah jagaan masing-masing. Perolehan susu ini perlulah mematuhi tatacara kewangan sedia ada. Walaubagaimanapun, pemberian susu ini mestilah tidak melanggar Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan.

6. Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Tuan adalah dipohon untuk melaksanakan arahan ini serta-merta. Sebarang pertanyaan hendaklah diajukan kepada Bahagian Kawalan Penyakit, KKM ditalian 03-88834387.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

*Yang Ikhlas,*



**( DATO' SRI DR. HASAN ABDUL RAHMAN )**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k Ketua Setiausaha

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Pengarah Kawalan Penyakit

Pengarah Perkembangan Perubatan

Pengarah Pembangunan Kesihatan Keluarga

Pengarah Bahagian Pemakanan

## SENARAI EDARAN

Pengarah  
Hospital Kuala Lumpur  
Jalan Pahang  
50586 Kuala Lumpur.

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor  
Tingkat 9,10 & 11 Wisma Sunwaymas  
Lot 1 Jalan Persiaran Kayangan  
40100 Shah Alam  
Selangor

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Perak  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab  
30590 Ipoh  
Perak

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak  
Jalan Tun Abang Hj. Openg  
93590 Kuching  
Sarawak

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor  
Tingkat 4 , Blok B, Wisma Persekutuan  
Jalan Air Molek,  
80590 Johor Bahru  
Johor

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang  
Tingkat 37, Komtar  
10590 Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang  
Tingkat 12, Wisma Persekutuan  
Jalan Gambut  
25000 Kuantan  
Pahang

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah  
Tingkat 1, Rumah Persekutuan  
88814 Kota Kinabalu  
Sabah

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan  
Tingkat 5, Wisma Persekutuan  
Jalan Bayam  
15590 Kota Bharu, Kelantan

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya  
Jalan Cenderasari  
50490 Kuala Lumpur

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah  
Jalan Sultanah  
05350 Alor Star  
Kedah

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu  
Tingkat 5, Wisma Persekutuan  
Jalan Sultan Ismail  
29200 Kuala Terengganu  
Terengganu

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan  
Jalan Lee Sam  
70590 Seremban, Negeri Sembilan

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka  
Tingkat 3, 4 & 5, Wisma Persekutuan  
Jalan Business City, Bandar MITC,  
75450 Ayer Keroh Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis  
Tingkat 8, Bangunan Persekutuan  
Persiaran Jubli Emas, 01000 Kangar  
Perlis

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan WP Labuan  
WDT No.51, 87000 WP Labuan